

02 FEBRUARI 2018

## Lelaki ditahan cuba rasuah pegawai polis

### Lelaki ditahan cuba rasuah pegawai polis

KUALA LUMPUR – Polis menahan seorang lelaki tempatan yang cuba memberi rasuah kepada pegawai polis bagi mengelak dirinya menjalani pemeriksaan air kencing dalam satu serbuan di pusat hiburan dekat Taman Shamelin Perkasa, Cheras di sini kelmarin.

Operasi bermula pukul 12 tengah malam yang dilakukan Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gengsterisme (STAGG) Bukit Aman bersama pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras itu berjaya menahan 19 pengunjung pusat hiburan yang positif dadah.



Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji (**gambar**) berkata, suspek berusia 47 tahun itu cuba merasuh seorang pegawai polis berpangkat inspektor ketika berada di tandas pusat hiburan berkenaan.

Jelas Ghani, suspek menawarkan RM1,100 kepada pegawai berkenaan agar menggunakan air paip untuk dimasukkan ke dalam botol urin.

“Pegawai terbabit memberi amaran tiga kali kepada suspek dan bertanya adakah dia menyedari tindakan memberi rasuah kepada penjawat awam adalah salah, namun tidak diendahkan lelaki berkenaan.

“Ujian saringan air kencing dilakukan terhadap suspek mendarati lelaki itu positif dadah jenis syabu,” katanya ketika dihubungi semalam.